



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PERAK
Pesiaran Meru Utama,
Bandar Meru Raya,
30020 IPOH
PERAK DARUL RIDZUAN

Telefon: 605-5297444 samb. 4025
Faks: 605-5265270
Portal Rasmi: www.bomba.gov.my
Emel: ops-Prk@bomba.gov.my



Ruj. Kami : JBPM/PK/OPS:600-1/1/3 ()
Tarikh : 5 Oktober 2021



Timbalan Pengarah
Ketua Cawangan Pusat Gerakan Operasi

Tuan,

ARAHAN PEMAKLUMAN INSIDEN KECEMASAN KEPADA PENGURUSAN TERTINGGI JABATAN

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Berdasarkan Standard Operating Procedure (SOP), Jabatan telah mewajibkan pelaporan insiden kecemasan di peringkat negeri melalui Bilik Kawalan Balai (BKB)/ Pusat Gerakan Operasi (PGO) ke Pusat Pengurusan Operasi (PPO) di peringkat kebangsaan. Walaupun pematuhan pada SOP pada dasarnya adalah baik, namun ada ruang untuk penambahbaikan terutamanya dari aspek kesegeraan melapor, sensitiviti sesuatu Kecemasan, keperluan mendapatkan input-input kejadian yang lebih terperinci dan seterusnya pertimbangan untuk menyalurkan maklumat insiden ke peringkat lebih tinggi.
3. Sehubungan dengan itu, sebagai langkah pro aktif pihak YS Pengarah atau Timbalan Pengarah adalah dikehendaki menghubungi dan memaklumkan kepada Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) secara terus dalam kadar segera bagi melaporkan dan memberikan perincian maklumat insiden seperti berikut:
 - 3.1. mana-mana kebakaran yang terdapat kehilangan nyawa;
 - 3.2. bencana alam dalam skala besar, terdapat kehilangan nyawa, kecederaan mangsa yang ramai dan kemusnahan harta benda yang tinggi;
 - 3.3. mana-mana insiden melibatkan bangunan kerajaan atau yang ada kepentingan kerajaan, premis-premis strategik atau kepentingan awam dan premis yang sensitive yang mana kebakaran atau insiden menjejaskan fungsi perkhidmatan;
 - 3.4. insiden melibatkan runtuh struktur binaan khas / projek utama negara (MRT/ECRL dan sebagainya) dan runtuh tanah yang melibatkan mangsa/kematian atau di kawasan berkepentingan tinggi;

'CEPAT DAN MESRA'



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015



CERTIFIED TO ISO 9001 : 2015

- 3.5. insiden HAZMAT & CBRNe yang melibatkan pengangkutan, penyaluran, pemindahan bahan-bahan berbahaya serta kejadian perbuatan manusia yang mengakibatkan kematian dan kecederaan;
- 3.6. insiden menjejaskan pengoperasian yang ketara kepada premis, kesinambungan kehidupan masyarakat, ekonomi negeri/negara dan lain-lain seperti kebakaran loji penapisan petroleum, loji janakuasa elektrik, sasaran penting negara dan sebagainya;
- 3.7. mana-mana insiden yang melibatkan kecederaan atau kematian kepada anggota bomba semasa operasi atau lain-lain aktiviti;
- 3.8. mana-mana insiden yang pada pertimbangan Pengarah/Timbangan negeri wajar dimaklumkan.

4. Perhatian serta kerjasama pihak Tuan amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,



(AZMI BIN OSMAN)

Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Negeri Perak

s.k Fail Pejabat Pengarah